

GARIS PANDUAN MEMPERBAHARUI VISA TAHUNAN PELAJAR (IQOMAH THANAWIAH)

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh setiap mahasiswa/wi yang ingin memperbaharui visa tahunan pelajar masing-masing.

1. Memperbaharui visa pelajar hendaklah dilakukan seawal sebulan sebelum tarikh tamat tempoh visa. Namun begitu, tempoh sebulan selepas tarikh tamat tempoh visa diberikan untuk memperbaharui visa pelajar dengan kadar segera.
2. Dokumen-dokumen yang diperlukan (penyediaan dokumen):
 - A. Pasport - 2 salinan muka depan
 - 2 salinan tahdid sakan
 - 2 salinan tarikh akhir masuk Jordan
 - 2 salinan kad iqomah yang lepas (depan & belakang)
 - 2 salinan cop pengesahan iqomah thanawi
 - B. Ithbat talib - satu salinan bagi setiap dokumen adalah untuk proses mendapatkan Muafakah Jamiah & Muafakah Dakhiliah manakala satu salinan lagi untuk Proses peringkat akhir bagi menghasilkan kad visa.

LANGKAH 1: Pengesahan universiti (muafakah jamiah)

- A. Sediakan semua salinan yang diperlukan seperti yang telah disenaraikan diatas untuk Mendapat pengesahan universiti.
- B. Sila serahkan semua dokumen tersebut di jabatan pelajar antarabangsa, pusat hal ehwal Pelajar (dewan wafiddin, syu'un tolabah).
- C. Ikuti prosedur untuk memperolehi muafakah jamiah.
- D. Sekeping surat pengesahan universiti (muafakah jamiah) akan dikeluarkan dan pastikan Surat tersebut disahkan oleh 'amid syu'un tolabah'.

LANGKAH 2 : mendapatkan pengesahan daripada kementerian dalam Negara Jordan (Muafakah Dakhiliah)

- A. Ia hendaklah dibuat di kementerian dalam negeri (wizarah dakhiliah), Amman.
- B. Kesemua dokumen yang telah digunakan untuk memperolehi pengesahan universiti (muafakah jamiah) akan digunakan sekali lagi untuk mendapatkan pengesahan daripada Kementerian dalam negeri Jordan (muafakah dakhiliah).
- C. Berikut adalah prosedur di pejabat kementerian (wizarah dakhiliah):
 - Lengkapkan borang permohonan muafakah dakhili bagi urusan iqomah thanawi.
 - Serahkan kesemua dokumen-dokumen yang telah disebutkan tadi di kaunter no 1 dan kad rujukan yang diberikan.
 - Kad rujukan tersebut hendaklah diserahkan dibahagian Unit komputer untuk proses Penyimpanan data.
 - Simpan kad rujukan tersebut untuk urusan pengambilan surat pengesahan muafakah Dakhili.

- Proses bagi mendapatkan surat pengesahan Muafakah Dakhiliah mengambil masa Sekurang-kurangnya 2 minggu dari tarikh pemohonan.
- Ambil surat pengesahan untuk proses menghasilkan kad visa.

LANGKAH 3: Menghasilkan kad visa pelajar.

- A. Sediakan semua dokumen-dokumen yang diperlukan seperti yg telah dinyatakan Di bahagian penyediaan dokumen bersama 2 keping gambar berukuran pasport.
- B. Kesemua dokumen tersebut hendaklah diserahkan di pejabat polis thaniah di Al-karak, tingkat 2.
- C. Kad visa akan siap dalam masa 2 hari dan boleh diambil pada hari berikutnya. Satu cop pengesahan pengambilan kad visa akan dibuat oleh petugas didalam pasport masing-masing.

- Segala perubahan prosedur adalah tertakluk kepada pindaan dari masa kesemua bergantung kepada keadaan masa.

- Sila jaga kad visa dengan sebaiknya bagi mengelakkan sebarang permasalahan.
- Kad visa hendaklah dibawa kemana-mana semasa berada di Jordan.
- Sekiranya anda memasuki Jordan tanpa menunjukkan kad visa, anda akan dikenakan bayaran cukai masuk Jordan sebanyak JD10.
- Kad visa tidak boleh dipindah milik.
- Sila ambil perhatian terhadap tarikh akhir/tarikh tamat tempoh visa anda bagi Mengelakkan sebarang permasalahan.

DISEDIAKAN OLEH
UNIT INFORMASI & PENERBITAN
BIRO PERHUBUNGAN
PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MUTAH
SESI 2009/2010

HOTLINE :
SDR SAIFUL HELMI : 0779056269
SDRI SITI SOLEHA : 0776878291
SDRI NINNA NADIA: 0779051121